

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**STW214 – Penyelidikan Kerja Sosial**

Masa: [2 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**Arahan:** Soalan ini mengandungi tiga Bahagian. Jawab **DUA** Bahagian sahaja.

**Bahagian A** (50 markah)

Jawab **SEMUA** soalan. Setiap soalan membawa markah yang sama (soalan berstruktur).

1. Kenapakah perlu ada penyelidikan dalam kerja sosial?
2. Apakah perbezaan yang ketara di antara penyelidikan kerja sosial dengan penyelidikan sains sosial yang lain?
3. Jelaskan perbezaan di antara realiti pengalaman dan realiti persetujuan.
4. Salah satu cara untuk kita mengetahui sesuatu kebenaran adalah melalui sains. Bagaimanakah sains boleh membantu kita memperolehi kebenaran?
5. Terangkan dua punca ilmu.

**Bahagian B** (50 markah)

Jawab **SEMUA** bahagian. Setiap bahagian membawa markah yang sama.

6. Berikan definisi istilah berikut:

- i) Realiti
- ii) Objektiviti
- iii) Pemerhatian
- iv) Fakta
- v) Teori
- vi) Konsep
- vii) *Independent variable*
- viii) *Dependent variable*
- ix) Kenyataan aksiomatik
- x) Hipotesis

**Bahagian C** (50 markah)

Soalan eseai pendek.

7. Huraikan proses penyelidikan dalam kerja sosial – dari tahap awal (memilih topik) hingga ke tahap akhir (penulisan bab rumusan).